

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**ATW 108/ACW 102 - Makroekonomi**

Masa : 3 jam

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan daripada **Bahagian A** adalah **WAJIB**. Pilih **DUA** soalan daripada **Bahagian B**. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan menggunakan pensel 2B.

Pastikan anda menjawab soalan objektif dalam masa  $1 \frac{1}{2}$  jam yang pertama. Borang jawapan OMR dan juga kertas soalan objektif akan dipungut selepas tempoh tersebut.

**KERTAS SOALAN BAGI BAHAGIAN A TIDAK BOLEH DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.**

**Bahagian A : ( WAJIB )**

**Soalan 1**

1. Jika firma menjangkakan peningkatan permintaan bagi produknya, dan kemudiannya melaburkan banyak modal dan mengupahkan banyak buruh,
  - (a) ini akan meningkatkan inflasi dan juga meningkatkan cukai.
  - (b) kitaran perniagaan akan bertukar dari yang tahap tinggi ketahap paling rendah.
  - (c) perlakuan firma ini akan mengalakkkan kemakmuran seperti yang dijangkakan.
  - (d) kerajaan mungkin akan terpaksa berbelanja lebih dan mengurangkan cukai kerana ingin mengimbangi kesan ekonomi terhadap keputusan perniagaan ini.
2. Pertumbuhan per makmur dalam jangka panjang dapat diterangkan sebahagiannya oleh:
  - (a) lebihan perdagangan yang menjuruskan kepada pengumpulan barang berhubung.
  - (b) peningkatan tahap harga secara berterusan.
  - (c) secara umumnya ia mempunyai pandangan optimis tentang masa depan dan mereka mempunyai daya keusahawanan yang tinggi.
  - (d) peningkatan dalam teknologi.
3. Tahap harga berkurangan akan:
  - (a) menggerakkan ekonomi disepanjang keluk permintaan agregat ke kanan.
  - (b) menggerakkan ekonomi disepanjang keluk permintaan agregat ke kiri.
  - (c) memindahkan keluk permintaan agregat ke kiri.
  - (d) memindahkan keluk permintaan agregat ke kanan.
4. Jika tahap harga di Malaysia meningkat secara relatifnya berbanding dengan negara asing lain, maka kesan yang mungkin terjadi keatas keluk penawaran agregat dan keluk permintaan agregat dalam negeri ?
  - (a) Keluk penawaran agregat akan berpindah keluar dan keluk permintaan agregat tidak berubah.
  - (b) Keluk penawaran agregat akan berpindah kedalam dan keluk permintaan agregat tidak berubah.
  - (c) Keluk permintaan agregat akan berpindah keluar dan keluk penawaran agregat tidak berubah.
  - (d) Keluk permintaan agregat akan berpindah kedalam dan keluk penawaran agregat tidak berubah.

5. Mengikut pandangan Keynes, bagi membolehkan ekonomi keluar dari kelembapan [recession], kerajaan patutlah:
- (a) membuat perancangan belanjawan defisit.
  - (b) membuat perancangan belanjawan surplus.
  - (c) mengikut polisi kewangan mengecut.
  - (d) tidak bertindak kerana mengharapkan sistem pasaran dapat memperbaiki dengan sendirinya kelemahan yang terjadi.
6. Penyataan manakah daripada berikut yang tidak akan meningkatkan produktiviti buruh?
- (a) Perubahan teknologi.
  - (b) Meningkatkan modal se unit buruh.
  - (c) Kadar pengangguran yang rendah.
  - (d) Pengalaman kerja yang lebih dalam guna tenaga.
7. Polisi kerajaan yang menggunakan subsidi, cukai dan perundangan dengan tujuan memberikan kelebihan kepada industri tempatan untuk bersaing dikenali sebagai:
- (a) polisi penyelidikan dan pembangunan.
  - (b) polisi kemajuan ekonomi.
  - (c) polisi industri.
  - (d) polisi perdagangan.
8. Jika per kapita pertumbuhan KDNK melebihi pertumbuhan produktiviti buruh:
- (a) modal sumber manusia semestinya meningkat.
  - (b) nisbah buruh pada modal semestinya menurun.
  - (c) pertumbuhan peluang pekerjaan semestinya lebih cepat daripada pertumbuhan populasi.
  - (d) modal fizikal semestinya menurun.
9. Penyataan manakah daripada berikut yang bukan merupakan kos kepada pengangguran?
- (a) Individu yang menganggur mengalami kehilangan pendapatan.
  - (b) Pembaziran sumber ekonomi.
  - (c) Individu yang menganggur akan kehilangan kepakaran jika berterusan tidak berkerja.
  - (d) Kos melepas pengangguran lebih tinggi daripada inflasi.
10. Kadar pengangguran ialah:
- (a) peratusan awam dalam sesuatu ekonomi yang tiada pekerjaan.
  - (b) peratusan dari tenaga kerja yang tiada pekerjaan.
  - (c) jumlah awam dalam ekonomi yang tidak lagi berminat mencari pekerjaan.
  - (d) jumlah awam dalam tenaga kerja yang tiada pekerjaan.

11. Penyataan yang manakah daripada berikut merupakan kombinasi jenis pengangguran yang bukan permasalahan polisi makroekonomi?
- (a) Pengangguran kitaran [cyclical] dan pengagguran struktur.
  - (b) Pengangguran kitaran [cyclical] dan pengangguran bermusim.
  - (c) Pengangguran struktur dan pengangguran bermusim.
  - (d) Pengangguran kitaran [cyclical] dan pengangguran geseran.
12. Perbezaan antara inflasi tarikan permintaan dan inflasi tolakan kos ialah:
- (a) inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh pergerakan keluk penawaran; sementara inflasi tolakan kos disebabkan oleh perubahan kos pengeluaran firma.
  - (b) inflasi tolakan kos disebabkan oleh pergerakan keluk permintaan agregat; inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang turun naik dan tidak menentu.
  - (c) inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh pergerakan keluk permintaan agregat; sementara inflasi tolakan kos disebabkan pergerakan keluk penawaran agregat.
  - (d) inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh perbelanjaan defisit kerajaan; inflasi tolakan kos disebabkan oleh firma pengeluaran.
13. Penyataan manakah daripada berikut yang benar tentang kenaikan tahap harga?
- (a) Tahap harga naik pada kadar meningkat apabila kadar inflasi positif.
  - (b) Tahap harga malar apabila kadar inflasi menjadi malar.
  - (c) Tahap harga turun pada kadar meningkat apabila terjadi deflasi.
  - (d) Tahap harga naik pada kadar menurun apabila inflasi positif dan menurun.
14. Andaikan anda menerima kenaikan upahan nominal sebanyak 5 peratus. Sepanjang tahun, inflasi meningkat 2 peratus. Penyataan manakah daripada berikut yang benar?
- (a) Upahan sebenar anda menurun.
  - (b) Upahan nominal anda menurun.
  - (c) Upahan nominal dan upahan sebenar meningkat.
  - (d) Walau pun upahan nominal jatuh, upahan sebenar anda meningkat.
15. Penyataan manakah daripada berikut yang tidak benar tentang KDNK?
- (a) Ianya termasuk semua barang dan perkhidmatan terakhir.
  - (b) Ini menunjukkan pengeluaran bagi sesuatu tahun.
  - (c) Ianya boleh disukat melalui jumlah perbelanjaan bagi tiap kumpulan dalam masyarakat.
  - (d) Ianya termasuk pemindahan pembayaran.

16. Seorang pengurus firma mengahwini setiausahaanya. Apakah kesan tindakan ini keatas KDNK?
- (a) KDNK tidak berubah samada kedua-dua terus berkerja atau tidak.  
(b) KDNK menurun kerana kurang isirumah dalam ekonomi.  
(c) KDNK menurun kerana pendapatan campuran mereka dicukai pada kadar sut yang tinggi.  
(d) KDNK masih lagi sama jika kedua-dua mereka masih berkerja.
17. Pendapatan agregat didefinasikan sebagai:
- (a) pendapatan bagi semua buruh dalam ekonomi.  
(b) pendapatan semua pekerja sektor swasta.  
(c) pendapatan bagi semua individu yang menyumbangkan sumber ke pasaran pengeluaran output.  
(d) pendapatan selepas cukai tetapi sebelum pembayaran cukai-cukai upahan lain.
18. Penyataan manakah daripada berikut yang menerangkan kebenaran tentang pendekatan suntikan-bocoran dalam perkiraan KDNK?
- (a)  $S + ( NT ) + M = I + G + X$   
(b)  $S + T + C = DI$   
(c)  $S + C + ( NT ) = I + G + ( X - M )$   
(d)  $DI + ( NT ) = C + I + G + ( X - M )$
19. KDNK sebenar adalah sama dengan:
- (a) jumlah perbelanjaan bagi semua barang dan perkhidmatan.  
(b) KDNK dalam ringgit malar.  
(c) produk bersih dalam negeri.  
(d) pendapatan dalam negeri.
20. Jika pendapatan isirumah jatuh dari RM 26,000 ke RM 24,000 dan perbelanjaan penggunaan jatuh dari RM 25,000 ke RM 23,500:
- (a) kecenderungan penggunaan sut ialah 0.98.  
(b) kecenderungan menabung sut ialah 0.25.  
(c) kecenderungan menabung sut ialah 0.4.  
(d) kecenderungan penggunaan sut ialah 0.94.
21. Penyataan manakah daripada berikut yang tidak memindahkan fungsi penggunaan?
- (a) Perubahan kepada kekayaan isirumah.  
(b) Perubahan kepada tahap harga.  
(c) Perubahan kepada pendapatan boleh guna isirumah.  
(d) Perubahan kepada tahap pengangguran.

22. Kurangnya sumber dalam masyarakat yang akan dihalakan sebagai modal apabila:
- (a) kadar faedah yang tinggi.
  - (b) isirumah membuat keputusan menabung lebih dari pendapatan yang didapati.
  - (c) ahli perniagaan mempunyai jangkaan yang optimis untuk masa depan.
  - (d) negara mempunyai perdagangan defisit.
23. Apabila tahap harga di Amerika menurun, yang lainnya diandaikan malar, expot bersih bagi negara Amerika akan menjadi:
- (a) tinggi.
  - (b) kurang.
  - (c) menjadi malar, kerana expot bersih diandaikan malar.
  - (d) meningkat jika kecenderungan mengimpot sut meningkat.
24. Dalam rangka pendapatan-perbelanjaan, jika perancangan perbelanjaan agregat lebih besar daripada KDNK sebenar:
- (a) tahap harga akan jatuh.
  - (b) penggunaan mesti jatuh.
  - (c) inventori akan meningkat.
  - (d) inventori akan berkurangan.
25. Jarak di antara fungsi perbelanjaan agregat dan garisan 45 darjah pada tiap tahap KDNK sebenar menunjukkan tahap .....
- (a) tabungan / simpanan.
  - (b) perubahan inventori yang tidak dirancang.
  - (c) perancangan pelaburan.
  - (d) kecenderungan penggunaan sut.
26. Ekonomi akan berkembang jika:
- (a) bocoran melebihi suntikan.
  - (b) suntikan melebihi bocoran.
  - (c) tabungan melebihi pelaburan.
  - (d) perbelanjaan adalah kurang daripada output.
27. Jika isirumah membuat tabungan yang kurang sebanyak RM 40 billion ditiap-tiap tahap pendapatan dan MPC [ kecenderungan penggunaan sut ] ialah 0.8, fungsi agregat perbelanjaan akan:
- (a) tidak kesan.
  - (b) berpindah ke atas sebanyak RM 40 billion.
  - (c) berpindah ke bawah sebanyak RM 160 billion.
  - (d) berpindah ke atas sebanyak RM 32 billion.

28. Jika pendaraban perbelanjaan ialah 4, peningkatan dalam pelaburan autonomi sebanyak RM 10 billion akan menyebabkan:
- (a) peningkatan RM 10 billion dalam ekuilibrium pelaburan.
  - (b) peningkatan RM 40 billion dalam ekuilibrium pelaburan.
  - (c) peningkatan RM 40 billion dalam ekuilibrium permintaan KDNK sebenar.
  - (d) peningkatan RM 40 billion dalam perbelanjaan penggunaan.
29. Kejatuhan tahap harga akan memindahkan keluk perbelanjaan agregat:
- (a) ke atas dan memindahkan keluk permintaan agregat ke kanan.
  - (b) ke atas dan memindahkan keluk permintaan agregat ke kiri.
  - (c) ke atas dan menyebabkan pergerakan disepanjang keluk permintaan agregat.
  - (d) ke bawah dan menyebabkan pergerakan disepanjang keluk permintaan agregat.
30. Kelemahan ekonomi Jepun akan:
- (a) menguntungkan ekonomi negara Asean kerana Jepun merupakan pesaingan utama negara-negara Asean.
  - (b) menyakitkan ekonomi negara-negara Asean kerana Jepun mengurangkan impot dari negara-negara tersebut.
  - (c) menyakitkan ekonomi negara Asean kerana Jepun mengurangkan expot ke negara-negara tersebut.
  - (d) hanya memberikan kesan yang kecil kerana ekonomi Asean hanya mempunyai perdagangan yang kecil sahaja.
31. Penambahan lebihan expot bersih kebelanjawan agregat kebiasaannya akan:
- (a) meningkatkan KDNK sebenar.
  - (b) memindahkan garisan belanjawan kebawah.
  - (c) meningkatkan kecerunan garisan belanjawan agregat.
  - (d) mengurangkan kecerunan garisan belanjawan agregat.
32. Penyataan manakah daripada berikut yang benar tentang kesan expot bersih dalam model  $C + I + [ NX ] + G$ ?
- (a) expot bersih adalah merupakan bocoran dari ekonomi jika impot melebihi dari expot.
  - (b) expot bersih kebiasanya positif.
  - (c) expot bersih adalah negatif kerana expot diandaikan sebagai autonomi.
  - (d) expot bersih adalah meupakan suntikan ke dalam ekonomi jika impot sama dengan expot.

33. Penawaran agregat menunjukkan perhubungan antara:
- (a) tahap harga dalam ekonomi dan output agregat yang firma akan keluarkan, lain lain perkara diandaikan malar.
  - (b) tahap harga dalam ekonomi dan jumlah agregat yang ahli dalam ekonomi akan beli pada sesuatu tahap harga.
  - (c) tahap harga dalam ekonomi dan potensi jumlah output yang dapat dikeluarkan.
  - (d) kuantiti sebenar output yang akan dikeluarkan dan dijual pada satu tahun.
34. Upahan sebenar mewakili:
- (a) nilai ringgit barang dan perkhidmatan di mana pekerja dapat menukarkan dengan tempoh masa kerja.
  - (b) kuantiti barang dan perkhidmatan di mana pekerja dapat membeli dengan pertukaran tempoh masa kerja.
  - (c) upahan nominal ditolakan cukai yang dibayar dari upahan.
  - (d) jumlah sebenar pendapatan pekerja yang diterima selepas ditolak cukai, insurans, dan lain-lainnya.
35. Tahap potensi output sesuatu ekonomi ialah tahap output yang dikeluarkan apabila:
- (a) upahan sebenar sama dengan upahan nominal.
  - (b) tahap harga adalah malar.
  - (c) tahap harga jangkaan sama dengan tahap harga sebenar.
  - (d) jangkaan upahan sebenar sama dengan kadar inflasi.
36. Tahap harga keseimbangan [ ekuilibrium ] jangka panjang merupakan tahap harga ekonomi yang dijangkakan akan dicapai apabila:
- (a) apabila ekonomi mengeluarkan pada tahap potensinya.
  - (b) Bank Negara akan menstabilkan kadar faedah dalam ekonomi.
  - (c) belanjawan negara akan menjadi seimbang.
  - (d) kadar diskaun akan sama dengan kadar semasa.
37. Penyataan manakah daripada berikut yang benar tentang jurang perkembangan?
- (a) Ianya terjadi apabila tahap harga jangkaan melebihi tahap harga sebenar.
  - (b) Dalam jangka panjang, jurang ini dihapuskan apabila pembekal sumber mencadangkan tentang pembayaran sumber yang lebih rendah.
  - (c) Dalam jangka panjang, jurang ini dihapuskan kerana keluk penawaran agregat jangka pendek berpindah ke kanan.
  - (d) Dalam jangka panjang, jurang ini dihapuskan apabila pembekal sumber mencadangkan tentang pembayaran sumber yang lebih tinggi.

38. Semasa kelembapan ekonomi:

- (a) kadar pengangguran lebih rendah daripada kadar pengangguran semulajadi.
- (b) output sebenar lebih tinggi daripada output potensi.
- (c) jurang pengucupan masih lagi ada jika upahan tidak begitu fleksibel.
- (d) jurang pengembangan masih lagi ada jika upahan tidak begitu fleksibel.

39. Diberikan keluk permintaan agregat, kejutan penawaran yang merugikan akan:

- (a) meningkatkan output dan meningkatkan tahap harga.
- (b) mengurangkan output dan mengurangkan tahap harga.
- (c) meningkatkan output dan mengurangkan tahap harga.
- (d) mengurangkan output dan meningkatkan tahap harga.

40. Peyataan manakah daripada berikut bukan merupakan alat bagi polisi fiskal?

- (a) penawaran wang.
- (b) belian kerajaan.
- (c) cukai.
- (d) program keselamatan sosial.

[ 60 markah ]

**BAHAGIAN B [ 40 MARKAH ]**  
**PILIH DUA SOALAN SAHAJA**

**Soalan 2**

- a. Terangkan bagaimanakah teknologi dapat mengubah dan menyebabkan kadar pengagguran terjadi dalam sesuatu industri. Bagaimanakah pula teknologi merangsangkan peningkatan peluang-peluang pekerjaan?
- b. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tahap produktiviti menjadi rendah dalam sesuatu ekonomi?
- c. Dalam negara-negara seperti negara Brazil dan Russia yang mengalami kadar inflasi yang tinggi, penggunaan mata wang negara lain terutama dollar Amerika telah menjadi kebiasaan bagi ekonomi tersebut. Terangkan secara lengkap mengapa ini boleh terjadi?

[ 20 markah ]

**Soalan 3.**

- a. Berikut adalah maklumat tahunan bagi negara Malaysia yang ekonominya sedang berkembang:

	<u>Dalam Billion Ringgit</u>	
	RM	200
Perbelanjaan penggunaan peribadi		
Cukai peribadi		50
Expot		30
Susutnilai		10
Belian Kerajaan		50
Pelaburan kasar swasta dalam negara		40
Impot		40
Pemindahan pembayaran kerajaan		20

- I. Berapakah nilai Keluaran Dalam Negara Kasar [KDNK]?  
II. Berapakah nilai Keluaran Dalam Negara Bersih [KNDB]?
- b. Terangkan apakah faktor-faktor yang menyebabkan fungsi pelaburan autonomi berpindah?  
Berikan faktor-faktor yang menyebabkan perbelanjaan pelaburan meningkat pada tiap tahap pendapatan bolehguna sebenar?
- c. Terangkan logik disebalik model pendapatan-perbelanjaan. Apakah faktor-faktor penentu jumlah permintaan KDNK sebenar?

[ 20 markah ]

Soalan 4.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan jurang pengucupan? Terangkan mengapa ini terjadi hanya untuk jangka pendek sahaja? [ Tunjukkan lakaran jika perlu.]
- b. Bezakan antara polisi fiskal budibicara dan penstabil automatik? Berikan contoh-contoh penstabil automatik. Apakah kesan penstabil automatik ke atas pendapatan bolehguna apabila bergerak sejajar dengan pusingan perniagaan?
- c. Andaikan ekonomi pada mulanya berada pada tahap keseimbangan [ekuilibrium] jangka panjang. Dengan menggunakan rajah permintaan agregat [AD] dan penawaran agregat [AS], lukiskan dan terangkan kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang peningkatan penawaran wang dalam pasaran.

[ 20 markah ]

Soalan 5.

- a. Apakah tiga alat yang kebiasaanya digunakan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengubah penawaran wang ? Terangkan dua sekatan yang menyebabkan proses pengembangan wang tersebut?
- b. Terangkan polisi kewangan kaedah saluran langsung dan saluran tidak langsung? Terangkan bagaimanakah perbezaan andaian dari kedua kaedah tersebut mengubah penawaran wang dan merangsang permintaan agregat?
- c. Kirakan kelajuan wang jika KDNK sebenar ialah 3,000 unit, purata tahap harga ialah RM 4.00 seunit, dan kuantiti wang dalam ekonomi ialah RM 1,500. Apakah yang terjadi kepada kelajuan wang jika purata tahap harga jatuh ke RM 2.00 seunit, penawaran wang dalam ekonomi ialah RM 2,000, dan KDNK sebenar ialah 4,000 unit?

[20 markah ]

- oooOooo -